



**MAJLIS BANDARAYA IPOH**

**ARAHAN KEWANGAN BIL. 03/2024**

Rujukan : Bil (53)dlm.MBI.V/2/2/16

Jabatan Ukur Bahan Dan Perolehan  
Majlis Bandaraya Ipoh

09 Februari 2024

Setiausaha Bandaraya  
Semua Pengarah Kanan  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

Tuan/Puan,

**PELANTIKAN PEGAWAI PENGUASA BAGI PROJEK-PROJEK MAJLIS BAGI PEROLEHAN KERJA (SEBUTHARGA DAN TENDER)**

Dengan segala hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga Bil 414/21/23 bertarikh 24hb Oktober 2023 telah bersetuju untuk memutuskan pelantikan bagi Pegawai Penguasa bagi penyeliaan perolehan kerja Majlis adalah seperti ketetapan berikut :-

BIL	NILAI PROJEK	PP/SO	WAKIL PP/SO
1.	RM 10 Juta dan ke atas	YBhg Datuk Bandar	Pengarah Kanan Teknikal / Pengarah Jabatan Berkaitan
2.	RM 1 Juta – RM 10 Juta	Pengarah Kanan Teknikal	Pengarah Jabatan Berkaitan
3.	Bawah RM 1 Juta	Ketua Jabatan (Pengarah)	Ketua Penolong / Penolong Pengarah Jabatan Berkaitan

3. Keputusan minit mesyuarat sebutharga dikepalkan. Kerjasama, perhatian dan tindakan semua Jabatan bagi perkara ini adalah amat di hargai. Perlaksanaan Arahan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“IPOH BESTARI SEJAHTERA”**

**“IPOH BANDAR RAYA PELANCONGAN UTAMA NEGARA 2025”**

**“IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' RUMAZI BIN BAHARIN @ MD DAUD)**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Ipoh

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA SEBUT HARGA**  
**BIL. 414/21/23**

**TARIKH** : 24 OKTOBER 2023 (SELASA)  
**MASA** : MULA JAM 3.00 PETANG  
TAMAT JAM 4.00 PETANG  
**TEMPAT** : BILIK ANGGERIK, TKT. 10, MBI

---

**HADIR:**

1. YBhg. Dato' Haji Rumaizi bin Baharin @ Md Daud (Datuk Bandar Ipoh) - Pengerusi
2. Tn. Ahmad Munir bin Ishak (Setiausaha Bandaraya)
3. En. Mohd Syazlan bin Mohd Isa Suffian (Pengarah Perbendaharaan Bandaraya)
4. Pn. Suriani binti Ismail (Pengarah Ukur Bahan & Perolehan)

**TURUT HADIR:**

1. En. Syahrul 'Azrin bin Ghazali (Penasihat Undang-Undang Bandaraya)

**PEMBENTANG KERTAS KERJA :**

1. Ir. Ts En Arif bin Mohd Zainudin (Pengarah Kerja & Bangunan)
2. En. Ridza`uddin Bin Mohd Radzi (Pengarah Kejuruteraan Bandaraya)
3. En. Zulkefli bin Osman (mewakili Pengarah Perancangan Bandaraya)

**URUS SETIA JAWATANKUASA**

1. En. Mohd Shahrin bin Nordin (Juruukur Bahan) - Urus Setia
2. Pn. Nur Afirah binti Abdul Razak (Penolong Juruukur Bahan)
3. En. Shahril Hiqwan Bin Abdul Hakim (Penolong Juruukur Bahan)
4. Cik Norhazwani Sharif (Penolong Juruukur Bahan)

4.2 Garis Panduan Penetapan Bilangan Tawaran Harga sebagai Kajian Pasaran bagi Perolehan Secara Rundingan Terus di bawah RM 50,000.00

4.2.1 JUB memaklumkan berdasarkan Pekeliling, bagi lantikan kerja di bawah RM 50,000.00, bilangan tawaran harga bagi kajian pasaran untuk **peruntukan luar** dibenarkan untuk menggunakan **1 bilangan Tawaran Harga**. Oleh yang demikian, JUB memohon pandangan Jawatankuasa bagi tujuan keseragaman bilangan tawaran harga yang diperlukan untuk peruntukan luar dan peruntukan Majlis.

4.2.2 Bagi **peruntukan Majlis**, Jawatankuasa bersetuju untuk mengekalkan **3 Tawaran Harga** sebagai kajian pasaran untuk mendapatkan perbandingan harga terbaik. Walaubagaimanapun, PWB mengesyorkan dalam keadaan-keadaan tertentu yang memerlukan lantikan secara segera, lantikan terus dengan 1 Tawaran Harga boleh dibuat dengan kelulusan DB.

4.2.3 Berdasarkan perbincangan, Jawatankuasa bersetuju dengan ketetapan seperti berikut :-

BIL	SUMBER PERUNTUKAN	BIL TAWARAN HARGA
1	Peruntukan Luar	1 Tawaran Harga
2	Peruntukan Majlis	3 Tawaran Harga <small>* bagi keadaan tertentu yang memerlukan lantikan secara segera, lantikan terus dengan 1 Tawaran Harga boleh dibuat dengan kelulusan DB</small>

4.3 Garis Panduan Pelantikan Pegawai Penguasa (PP) atau *Superintending Officer* (S.O) bagi Projek-Projek (Kontrak Kerja) bernilai RM10 Juta ke atas di bawah Majlis Bandaraya Ipoh.

4.3.1 JUB memaklumkan penyelarasan lantikan Pegawai Penguasa (PP) atau *Superintending Officer* (SO) bagi Kontrak Kerja adalah seperti berikut :-

BIL	NILAI PROJEK	PP / SO	WAKIL PP/SO
1.	RM 10 Juta dan ke atas	YBhg Datuk Bandar	PK (T) / Pengarah Jabatan berkaitan
2.	RM 1 Juta – RM 10 Juta	PK (T)	Pengarah Jabatan berkaitan
3.	Bawah RM 1 Juta	Pengarah Jabatan	Ketua Penolong / Penolong Pengarah Jabatan berkaitan

5.0 **PENUTUP:**

5.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.00 petang dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Dato' Pengerusi.

-SULIT-

**Tajuk : Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Bil. 414/21/23 Yang Telah Diadakan Pada 24 Oktober 2023**

---

Minit disediakan oleh:

Noor Hamizah binti Sahabudin

Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi [Perolehan])

Tarikh: 6 November 2023

Minit disemak penyediaannya oleh:



SURIANI BINTI ISMAIL

Pengarah Ukur Bahan & Perolehan

Tarikh: November 2023

Minit disahkan penyediaannya oleh:



DATO' HAJI RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD DAUD, DPMP.,AMP.,PPT.

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Ipoh

Tarikh: 7 November 2023

- SULIT -